

KEHARMONIAN RUMAH TANGGA DALAM KONTEKS ISU SEMASA BERDASARKAN KONSEP *KAFĀ'AH* MENERUSI MAQASID SYARIAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Maziyyatul Muzayyanah Samsul Muawan,¹
Supri Sudin² & Nizaita Omar³*

Abstrak

Konsep kafa'ah itu diperhatikan dan dilaksanakan ketika mana memasuki fasa pemilihan calon pasangan yang sekufu sebelum perkahwinan demi menerajui institusi kekeluargaan yang mampan sebagaimana perkara ini dipersetujui oleh para fuqaha. Adapun konsep kafa'ah merupakan salah satu cara yang terbaik dalam mencegah kewahaman, percanggahan dan isu-isu yang berbangkit terutama sekali yang membawa kepada fasa perceraian. Adapun jika konsep ini dihubungkan dengan Maqasid Syariah, maka tentunya akan menyentuh kepada Maqasid al-Dharuriyyat al-Khamsah. Adapun sebanyak 4,282 kes telah direkodkan daripada pihak Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun 2016 sehingga tahun 2021 dan ini menjadi perangkaan yang tertinggi berbanding sebab-sebab kes aduan yang lain. Adapun penggunaan kajian ini adalah kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah temu bual

¹ Pelajar Sarjana Syariah (Penyelidikan), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: zaywho.zw@gmail.com.

² Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: supri.hjsudin@unissa.edu.bn.

³ Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Darul Iman, Malaysia. Email: nizaitaomar@unisza.edu.my.

daripada pegawai-pegawai BKNK, JHES, KHEU, analisis dokumen-dokumen dan kes-kes aduan fail BKNK, JHES, KHEU dan pengumpulan data-data dan maklumat daripada kajian kepustakaan. Hasil penemuan kajian mendapati bahawa konsep kafa'ah sangat mustahak dan diperlukan dalam pengukuhan institusi kekeluargaan khususnya dalam konteks isu-isu rumah tangga terkini. Jadinya, meningkatkan kesedaran dan menjadikan masyarakat Islam menjadi lebih cakna berkenaan konsep kafa'ah adalah diperlukan agar konflik rumah tangga seperti ketidakharmonian, ketidakserasian dan ketidaksefahaman pasangan suami dan isteri yang mana boleh dibendung. Oleh itu, penerapan Maqasid Syariah terhadap konsep kafa'ah perlu dikembangkan, diperincikan dan diterapkan lagi kepada masyarakat Islam dalam membentuk persefahaman dalam institusi kekeluargaan.

Kata kunci: kafā'ah, maqasid syariah, keharmonian rumah tangga, perkahwinan, konteks semasa.

***HOUSEHOLD HARMONY IN THE CONTEXT OF
CONTEMPORARY ISSUES: THE CONCEPT OF
KAFĀ'AH THROUGH MAQASID SYARIAH IN
BRUNEI DARUSSALAM***

Abstract

The concept of Kafā'ah is observed and implemented when entering the phase of selecting a suitable partner before marriage to lead a sustainable family institution as agreed by the jurists. The concept of Kafā'ah is one of the best ways to prevent misunderstandings, contradictions and issues that arise, especially those that lead to the divorce phase. As for if this concept is related to the Maqasid Syariah, then it will

certainly touch the *Maqasid al-Dharuriyyat al-Khamsah*. As for a total of 4,282 cases have been recorded from the Household Counseling Services Division (BKNK), Syariah Affairs Department (JHES), Ministry of Religious Affairs (KHEU), Brunei Darussalam throughout the year 2016 until 2021 and this is the highest number compared to the reason-cause of other complaint cases. The use of this study is a qualitative method that includes interview methods from BKNK, JHES, KHEU officers, analysis of documents and complaint cases of BKNK, JHES, KHEU files and collection of data and information from library research. The findings of the study found that the concept of *Kafā'ah* is very important and necessary in strengthening family institutions, especially in the context of recent household issues. Therefore, raising awareness and making the Muslim community more aware of the concept of *Kafā'ah* is necessary so that domestic conflicts such as disharmony, incompatibility and misunderstanding between husband and wife can be curbed. Therefore, the application of *Maqasid Syariah* to the concept of *Kafa'ah* needs to be expanded, detailed and further applied to the Muslim community in forming understanding in family institutions.

Keywords: *kafā'ah*, *maqasid syariah*, household harmony, marriage, contemporary context.

Pendahuluan

Pernikahan adalah satu-satunya cara bagi pasangan suami dan isteri membina sebuah rumah tangga untuk memelihara keturunan dan melanjutkan kehidupan berkeluarga sepertimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di dalam Al-Qur'an, Surah An-Nisa' Ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Terjemahannya:

“Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam 'alaihissalâm), Dia (Allah) menciptakan daripadanya pasangannya (Hawa), Dia (Allah) mengembangbiakkan daripada kedua-duanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan namaNya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturrahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (memerhati) kamu.”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya 2014:189)

Sepertimana hadith Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam daripada Anas bin Malik berkata, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda (Al-Baihaqi, 2003:340. No Hadith 5100):

عن أنس بن مالك قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: « إذا تزوج العبد فقد كمل نصف الدين، فليتق الله في النصف الباقي »

Maksudnya:

“Apabila seorang hamba itu berkahwin, maka sesungguhnya dia telah berusaha menyempurnakan sebahagian agamanya, oleh

itu hendaklah dia bertaqwa kepada Allah pada sebahagian lagi yang berbaki.”

Daripada tafsir al-Qurtubi (1964:327) menyatakan maksud daripada hadith di atas iaitu perkahwinan menghalalkan persetubuhan di antara suami dan isteri yang sah mengikut syara’.

Dalam menuju ikatan perkahwinan terdapat syarat-syarat yang perlu dijalankan sebagai calon pasangan sebelum pernikahan, salah satunya adalah memilih pasangan. Bahkan memilih pasangan bukanlah perkara yang biasa atau dipandang remeh kerana salah satu tujuan membina sebuah keluarga adalah niat kerana Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* dalam mengekalkan perkahwinan yang *Sakinah Mawaddah Wa Rahmah*. Islam telah menggariskan dalam melalui proses pemilihan calon pasangan suami dan isteri untuk pembentukan institusi keluarga yang kukuh adalah berkonsepkan *kafā’ah*. Kesepadanan dalam membuat pemilihan pasangan suami dan isteri hendaklah diteliti dan dinilai dengan sewajarnya daripada salah satu pihak ke pihak yang lainnya di pelbagai sudut seperti agamanya, keturunannya, pekerjaannya dan sebagainya. Walaupun tidak ada secara khusus disebutkan mana-mana hukum *kafā’ah* ataupun tidak wajib bagi menerapkan *kafā’ah* sebelum perkahwinan, akan tetapi penilaian *kafā’ah* sangat digalakkan dan perlu diutamakan; memberikan impak yang besar ketika pasangan yang telah berumah tangga.

Oleh demikian, sebelum perkahwinan hendaklah didahului dengan persiapan misalnya pemilihan calon-calon pasangan yang terbaik, dengan melaksanakan dan mengutamakan konsep *kafā’ah* bagi menghindari adanya konflik di antara pasangan dalam berumah tangga. Sebagaimana hadith daripada *Aisyah Radhiallahu’anha*,

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda (Ibnu Majah, (t.t): 333. No Hadith 1928):

عن عائشة، قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «تخيروا
لنطفكم، وانكحوا الأكفاء، وأنكحوا إليهم»

Maksudnya:

“Hendaklah kalian membuat pilihan bakal isteri yang terbaik untuk bakal zuriat kalian, hendaklah kalian berkahwin dengan yang sekufu, dan kahwinkanlah mereka dengan perempuan yang sekufu.”

Jadinya, *kafā'ah* sebenarnya disyariatkan untuk terhindar daripada celaan atau cercaan apabila terjadi pasangan suami isteri yang tidak setaraf atau tidak sekufu. Jika kehidupan suami dan isteri sebelum perkahwinan adalah sama atau tidak jauh bezanya dari sudut tarafnya, sudah tentu tidak menyukarkan mereka saling menyesuaikan diri sendiri dan boleh menjamin kesepadanan masing-masing dalam berumah tangga.

Selain itu perkahwinan juga bergantung daripada pemilihan pasangan masing-masing dalam memetik dan menilai dari sudut kriteria-kriteria *kafā'ah*. Adapun kriteria yang dipilih oleh pihak lelaki mahupun pihak perempuan itu lebih diutamakan dari segi agamanya dan akhlaknya. Sebagaimana hadith dari Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda (Al-Bukhari, 1422: 7):

عن أبي هريرة رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:
«تنكح المرأة لأربع: لمالها ولحسبها وجمالها ولدينها، فاطفر بذات
الدين، تربت يدك»

Maksudnya:

“Perempuan itu biasanya dinikahi kerana empat perkara: kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu pilih kerana agamanya, sebab kalau tidak demikian, maka kamu akan celaka.”

Bukan hanya itu, hadith dari Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu, Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda (Al-Qazwini, t.t: 632. No Hadith 1967. (Hasan)):

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «إذا تأتم من ترضون خلقه ودينه فزوجوه، إلا تفعلوا تكن فتنة في الأرض وفساد عريض»

Maksudnya:

“Jika datang kepadamu seseorang yang kamu redha akhlak dan agamanya, maka nikahilah dia, jika kamu tidak melaksanakannya, maka akan terjadi fitnah di muka bumi dan kerosakan.”

Adapun tafsir Abu Al-Hasan (Abu Al-Hasan, t.t: 607) daripada hadith di atas bahawa kalau seseorang itu berkahwin hanya disebabkan keturunan dan hartanya malah bukan kerana agama dan akhlaknya, maka ada hasutan syaitan dan kerosakan dalam perkahwinan tersebut.

Metodologi Kajian

Pengkaji telah memilih dan menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi tiga kaedah. Pertama kaedah temubual daripada empat orang responden terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). Kemudian yang kedua adalah analisis-dokumen daripada Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) iaitu analisis jumlah statistik sebab-sebab masalah rumah tangga dan kes-kes fail aduan rumah tangga. Kes-kes aduan tersebut terdiri dari salah satu pasangan suami atau isteri yang telah menuntut aduan dan berlaku masalah dengan pasangan masing-masing. Seterusnya yang ketiga iaitu kajian kepustakaan daripada perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Perpustakaan Islam Brunei Darussalam (PIBD), Jabatan Mufti Kerajaan, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam.

Konsep *Kafa'ah* Menurut Maqasid Syariah

Pengertian *kafa'ah*: Konsep *kafa'ah* secara langsung bertujuan khususnya untuk keperluan di antara suami dan isteri dalam perkahwinan yang sejahtera. Adapun kamus arab iaitu *Al-Kuf'un* daripada perkataan *kafa'ah* yang bermaksud setaraf dan kesamaan di antara kedua pasangan dalam pernikahan dari sudut keturunannya, agamanya, hartanya dan sebagainya sehingga mereka digelar *Tumathilan* (mereka adalah sama atau sepadan). (Ibn Manzur-'Abu Al-Fadl-Ibn Mukarram, 1414:139) (Al-Husaini, t.t:390) (Ibnu Sulaiman, t.t:339) (Al-Maliki,

1994:211) (Al-Zuhaili, t.t:6735). *Al-Kaf'un* juga dikaitkan dengan pasangan suami dan isteri yang *Mumathilah Al-Quwwah Wa Al-Sharf* (mereka ada kesamaan dalam kekuatan dan kehormatan) (Abd Al-Hamid Umar, 2008:791). *Kafā'ah* atau disebut juga dengan *kufu* atau sekufu iaitu satu konsep kesamaan, keseimbangan atau kesepadanan taraf dalam sebuah rumah tangga antara suami atau calon suami bersama isteri atau calon isteri berdasarkan sekufu dalam kriteria agama, martabat, keturunan dan banyak lagi (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002:841) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:841). Seseorang yang berkahwin itu mempunyai keseimbangan taraf atau sekufu dengan pasangannya dalam beberapa kriteria-kriteria tertentu sehingga boleh mejauhkan dirinya daripada penyebab rosaknya sebuah rumah tangga (Muhammad Abu Zahrah, 1957:185) dan *kafā'ah* tidak mempunyai aib jika terjadinya sekufu di antara suami dan isteri dalam kebaikan mahupun keburukan (terkecuali mereka selamat daripada aib dalam perkahwinan tersebut) (Al-Syafi'i, 1950:350). Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di dalam surah Al-Ikhlâs ayat 4:

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

Terjemahannya:

“Dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya.”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014:1678)

Daripada tafsiran ayat di atas menjelaskan bahawa Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* hanyalah satu, tidak ada suatu makhluk yang sama denganNya, tidak ada pertolongan, tidak ada kesamaan bagiNya, tidak ada keadilan dan tidak ada yang dapat menandingiNya (Ibnu Abbas, t.t:522) dan pada kesimpulannya Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* tidak

mempunyai lawanan dan kesamaan denganNya (Ibnu Atiyah, 1422:537). Jadinya perkataan kufu dalam rumah tangga adalah sesuatu yang sepadan dan sama serta lebih memahami dan meningkatkan keserasian atau kesepadanan di antara suami dan isteri dan juga kedua keluarga belah pihak. Daripada *Ibnu Abbas*, Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda (Al-Qazwini, t.t:895. No Hadith 2683):

عن ابن عباس، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: «المسلمون
تتكافأ دماؤهم وهم يد على من سواهم، يسعى بذمتهم أدناهم، ويرد
على أفصاهم»

Maksudnya:

“Orang-orang muslim sekufu (sedarjat) darah mereka, dan mereka ada perjanjian dengan yang lain, yang terbawah dari mereka menjaga dzimmah (perjanjian) mereka dan (yang teratas) melindungi yang terbawah.”

Makna ‘kufu’ daripada hadith di atas adalah tidak menjadi sandaran kepada konsep *kafā’ah* dalam rumah tangga akan tetapi dengan penjelasan yang lain bahawa setiap individu tidak perlu dibeza-bezakan tanpa menilai latar belakang dan taraf seseorang tersebut (Al-Zuhaili, 2010:299). *Kafā’ah* dimaknakan persamaan dalam kedudukan pangkat atau harta maka tidak ada perbezaan dalam tahap kehidupan manusia sedangkan manusia adalah setara atau sama di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* jua. Daripada firman Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* di dalam surah Al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahannya:


“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014:1348)

Seorang manusia yang paling dekat di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* adalah orang yang bertaqwa dan mahu mencapai darjat yang tinggi di akhirat dan di dunia (Ahmad Mustada Al-Maraghi, 1946:143). Adapun ikatan kerohanian yang mengikat perkahwinan sehingga apabila kasih sayang akan menghilang dan putusnya *mawaddah* maka masih ada kerahmatan dan jika kerahmatan tidak menjadi kekal maka masih ada amanah yang mana amanah tetap melindungi kedua pasangan tersebut. (Al-Zuhaili, t.t:6741) (Shihab, 1999: 276). Ia juga tergantung daripada kedua pihak suami dan isteri yang mana mereka mestilah memperhatikan hubungan pernikahan khususnya dalam rumah tangga yang *sakinah mawaddah wa rahmah* dan amanah Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Adapun maqasid syariah telah menetapkan lima penjagaan yang dijanjikan iaitu *Hifz al-Din* maksudnya menjaga agama, *Hifz al-Nafs* maksudnya menjaga nyawa, *Hifz al-'Aql* maksudnya menjaga akal, *Hifz al-Nasl* maksudnya menjaga keturunan dan *Hifz al-Māl* maksudnya menjaga harta. Kelima-lima penjagaan maqasid syariah ini boleh membantu secara

keseluruhan terhadap masalah manusia. Mengikut konsep *kafā'ah* bahawa memilih pasangan sebelum pernikahan tetap diutamakan jika melihat dan meneliti calon pasangan tersebut dari sudut kriteria-kriteria *kafā'ah* mengikut pandangan maqasid syariah termasuk pendapat-pendapat fuqaha dan ulama. Bukan hanya itu, ia sebenarnya mengupas bahawa pernikahan adalah perkara yang tidak boleh diremehkan seperti memilih pasangan hanya mengetahui nama dan umur, melihat dari rupa, hanya mengetahui dari sisi kelebihan sahaja dan seumpamanya. Apatah lagi perubahan kini mengikut era zaman yang moden terutama sekali dalam kriteria-kriteria *kafā'ah* khususnya di setiap tempat negara.

Gambar 1: 5 Maqasid Syariah dalam Konsep *Kafā'ah*




Pengkaji menyimpulkan bahawa konsep *kafā'ah* jika diterapkan dan dijaga sehingga terbina sebuah keluarga, maka teguhlah perhubungan di antara suami dan isteri dalam institusi kekeluargaan. Yang mana mereka akan teguh dalam ketekunan tanggungjawab selayaknya sebagai suami dan isteri: Tidak mengabaikan tugas masing-masing terutama sekali dalam perkara wajib menurut syara' seperti nafkah, perlindungan, perwarisan dan sebagainya. Kemudian mereka teguh dalam etika berumah tangga: Membatasi suatu perkara yang telah ditetapkan sebagai seorang suami dan isteri supaya tidak melanggar larangan syariat Islam. Seterusnya, teguh dalam kegemilangan berumah tangga: Mencapai matlamat keluarga yang *Sakinah Mawaddah Wa*

Rahmah. Kemudian, teguh dalam usaha memahami pasangan masing-masing: Saling lebih peka terhadap keadaan yang terjadi dari semasa ke semasa supaya tidak tercetus masalah yang berbangkit sehingga mengakibatkan perselisihan yang berpanjangan dan tidak ada jalan penyelesaian. Terakhir, teguh dalam menghormati pasangan masing-masing: Berlaku adil dan mempercayai sesama sendiri dalam setiap perkara. Jadinya, sesiapa yang memandang terhadap konsep *kafā'ah* bagi memilih bakal pasangan sebagai suami atau isteri, akan menjamin keselamatan daripada berlaku konflik dalam rumah tangga. Sekurang-kurangnya tidak bertambah masalah-masalah yang berisiko dan memudaratkan diri sendiri apatah lagi ke arah perceraian yang tidak diinginkan; jika pasangan itu sekufu di awal pernikahan maka banyak pertimbangan dan sikap toleransi sesama sendiri dalam rumah tangga.

Kriteria-Kriteria *Kafā'ah* Menurut Para Ulama

Kriteria *kafā'ah* dalam agama adalah kriteria satu-satunya yang diutamakan bahkan para fuqaha bersepakat ia menjadi satu keyakinan dalam ketaqwaan dan kebaikan (*Al-Taqwa Wa Al-Sillah*). Adapun kriteria-kriteria *kafā'ah* yang lain seperti sihat akal fikirannya, nasab keluarga, agama daripada ayahnya dan sebagainya, para fuqaha ada bersepakat yang sama dan ada juga berpendapat tersendiri seperti kriteria-kriteria *kafā'ah* tersebut tidak termasuk atau tidak perlu dinilai bagi pemilihan pasangan sebagai suami dan isteri. (Mustafa Al-Siba'i, 1965: 170). Para fuqaha meletakkan *kafā'ah* menjadi salah satu tujuan perkahwinan bagi mengeratkan lagi kehidupan berumah tangga yang *Sakinah Mawaddah Wa Rahmah*. (Khoiruddin Nasution, 2007: 157).

Gambar 2: Kriteria *Kafa'ah* Menurut Empat Mazhab (Al-Zuhaili, t.t: 6735)



Pertama: Mazhab *Hanāfiyyah*

Kafa'ah tidak menjadi syarat nikah dan ia bukan harus untuk suami dan isteri. Ia kesepadanan yang khusus atau keadaan perempuan yang rendah daripada lelaki (Ibn Abidin, 2003:206) atau sepadan atau seimbang lelaki dengan perempuan dalam hal tertentu (‘Abdurrahman Al-Jaziri, 2003:206).

Kedua: Mazhab *Mālikiyyah*

Kafa'ah adalah kesamaan atau kesesuaian antara lelaki dan perempuan dalam agama dan keadaan (Al-Habib, 2005:247), pendekatan dalam agama dan selamat daripada aib yang mengharuskan *khiyār* (memilih). Adapun selamat daripada aib bermaksud selamat daripada aib yang boleh menolak perkahwinan atau mengharuskan pihak perempuan melakukan *khiyār* (Wuzārah Al-’Auqāf Wa Asy-Syu’un Al-’Islāmiyyah Al-Kuwait, 1995:266).

Kesimpulannya mazhab Maliki membatasi ketentuan *kafā'ah* kepada dua perkara iaitu agama dan bebas daripada kecacatan atau aib.

Ketiga: Mazhab *Syāfi'iyyah*

Kafā'ah adalah sepadanan atau keseimbangan seorang suami untuk isterinya dalam kesempurnaan atau hinaan selain bebas daripada aib perkahwinan (Al-Sayyid Al-Bakri, 330). Bahkan wali daripada seorang perempuan mempunyai urusan tentang perempuan tersebut untuk mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan lebih jelas baginya, maka perempuan itu tidak dinikahkan dengan lelaki yang tidak sekufu kecuali dengan lelaki yang sepadan (sekufu) (Al-Syāfi'i, 1990:16).

Keempat: Mazhab *Hanābilah*

Kafā'ah iaitu keseimbangan atau kesepadanan dalam lima perkara: agama, pekerjaan, kekayaan, kemerdekaan dan keturunan ('Abdurrahmaan Al-Jaziri, 2003:59).

Kemudian terdapat ikhtilaf daripada *fuqahā'* empat mazhab terhadap konsep *kafā'ah* dalam perkahwinan. Adapun menurut mazhab *Mālikiyyah*, *Syāfi'iyyah*, *Hanāfiyyah* dan satu riwayat daripada Imam *Ahmad* bahawa maksud *kafā'ah* itu hanyalah keutamaan sahaja, ia bukanlah termasuk syarat dan rukun pernikahan dalam Islam dan walaupun pasangan tersebut tidak sekufu akan tetapi perkahwinan mereka tetaplah sah jika memenuhi syarat dan rukun nikah. Lain pula sebahagian ulama termasuklah daripada Imam *Ahmad* yang menyatakan bahawa *kafā'ah* adalah termasuk syarat sahnya pernikahan dalam Islam. Jika terjadi tidak sekufu atau tidak sedarjat antara lelaki dan perempuan maka mereka tidaklah sah dalam perkahwinan tersebut (Syarifuddin, 2006:141).

Dalam kitab *Wahbah Al-Zuhaili* (Al-Zuhaili, t.t: 6735) menyatakan ciri-ciri *kafā'ah* dalam Mazhab *Mālikiyyah* ada dua iaitu agama dan keadaan. Keadaan di sini bermaksud keadaan seseorang itu selamat daripada keaiban yang boleh menyebabkan adanya ikhtiyar. Menurut Mazhab *Hanāfiyyah* ada enam ciri-ciri *kafā'ah* iaitu agama, kemerdekaan, nasab, harta dan pekerjaan. Begitu juga menurut *Hanāfiyyah kafā'ah* tidak terletak pada keselamatan daripada aib yang boleh membatalkan sahnya perkahwinan seperti penyakit kusta, gila dan sebagainya. Mazhab *Syāfi'iyyah* pula ada enam ciri-ciri *Kafā'ah* iaitu agama, kesucian, kemerdekaan, nasab, selamat dari keaiban yang boleh menimbulkan ikhtiyar dan pekerjaan. Menurut mazhab *Hanābilah* pula ada empat ciri-ciri *kafā'ah* iaitu agama, pekerjaan, nasab, dan kemakmuran.

Kriteria-Kriteria *Kafā'ah* Menurut Para Fuqaha

Pertama: Agama

Agama merupakan keutamaan konsep *kafā'ah* dalam mewujudkan rumah tangga yang sangat baik apatah lagi melihat seseorang itu daripada keagamaannya, kesuciannya dan ketakwaannya. Ia juga menjadi cerminan seorang muslim yang soleh dan bertaqwa. Begitu juga jika seseorang itu mencari calon pasangan hidup berumah tangga dengan meneliti dan mengetahui adakah agamanya sama sepertinya yang diinginkan atau diharapkan. Islam adalah agama membawa ke arah kebenaran. Islam tidak ada menetapkan aturan *kafā'ah* tetapi disebabkan ketetapan manusialah adanya ikhtilaf tentang hukum *kafā'ah* (Al-Hamdani, 2002:15). Hal ini terdapat peringkat untuk menentukan seorang lelaki itu adalah sekufu atau sepadan ataupun tidak sekufu dengan seorang perempuan kerana perbezaan kehidupan latar belakang dan keadaan seseorang

tersebut (Muhammad Jawad, 2007: 351). Adapun di dalam Islam untuk memenuhi syarat sahnya pernikahan mengikut syariah, hendaklah seorang muslim atau muslimah memilih calon pasangan suami atau isteri yang beragama Islam terutama sekali ditekankan daripada pihak perempuan kepada pihak lelaki; hal sedemikian lelaki akan menjadi seorang suami yang bertanggungjawab, menjadi ketua rumah tangga, mendidik isterinya serta anak-anaknya dan mencerminkan diri mereka bahawa keluarga mereka itu *sakinah mawaddah wa rahmah hasanah* kerana Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Oleh sebab itulah agama bagi calon suami mestilah dijadikan keutamaan dan faktor pertama dalam pemilihan ciri-ciri *kafā'ah* (Musthafa Kamal Pasha, 2002:261).

Maksud ikhtilaf ulama berpendapat tentang kriteria *kafā'ah* dalam agama iaitu kualiti agamanya dalam Islam dari segi ketakwaannya, kesolehannya atau kezuhudannya. Malah pendapat dari mazhab *Mālikiyyah*, *Syāfi'iyyah*, *Hanāfiyyah* dan *Hanābilah* menyatakan agama adalah persyaratan kriteria *kafā'ah* dalam perkahwinan. Sepertimana daripada surah Al-Nur ayat 3 di dalam Al-Qur'an:

الزَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

Terjemahannya:

“Laki-laki yang berzina tidak (patut) berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik. Perempuan yang berzina tidak (patut) berkahwin melainkan dengan laki-laki yang berzina atau laki-laki musyrik. Dan perzinaan itu

diharamkan ke atas orang-orang yang beriman.”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014:887)

Tafsiran daripada Ibnu ‘Abbās (Ibnu ‘Abbās, t.t:292) menyatakan ayat ini diturunkan kepada kaum antara para sahabat Nabi Muhammad *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* yang mahu menikahi perempuan-perempuan *Ahl Al-Kitāb* dan perempuan-perempuan musyrik yang merdeka. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* di dalam surah Al-Sajdah ayat 18:

أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَانَ فَاسِقًا ۚ لَا يَسْتَوُونَ

Terjemahannya:

“Maka adakah orang beriman sama seperti orang fasiq? Mereka tidaklah sama.”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014:1064)

Daripada tafsiran Al-Qinnaui daripada ayat di atas bahawa jelaslah orang yang beriman atau bertaqwa tidaklah seperti orang yang *fasiq* (Al-Qinnaui,1992:28). Perkataan *Fasiq* adalah keluar daripada ketaatan dan keluar daripada *ahkam syari’ah* secara mutlak dan itu adalah kekufuran (Ahmad Mustafa Al-Maraghi, 1946:114). Firman Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* dalam Surah Al-Baqarah Ayat 221:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ۚ وَلَآئِمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ
وَلَوْ أَغْنَتْكُمْ ۚ وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَعَنَدُ الْمُؤْمِنُ خَيْرٌ
مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۚ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى الْتَارِ ۚ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى
الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۚ وَيُبَيِّنُ عَآيَتِهِ ۚ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Terjemahannya:

“(Wahai orang-orang Islam) Janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya (berkahwin) dengan hamba perempuan yang mu'min lebih baik daripada perempuan merdeka yang musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu (kerana kecantikan, harta, keturunan atau sebagainya). Dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan-perempuan Islam) dengan laki-laki musyrik sehingga mereka beriman (memeluk agama Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba laki-laki yang beriman lebih baik daripada seorang laki-laki (merdeka) yang musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Mereka (orang-orang musyrik) itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke syurga dan memberikan keampunan dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat keteranganNya kepada manusia supaya mereka mengambil ingatan.”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014: 89)

Hadith Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam daripada 'Abdullah bin Harmaz, daripada Muhammad Wasa'id Ibni 'Abid, daripada 'Abi Hatim Al-Muzni berkata: Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda (Ibnu Al-Dhahak-Al-Tirmidhi-'Abu Isā, 1998:386, No Hadith: 1085 (Hadith Hasan Gharib)):

عن عبد الله بن هرمز، عن محمد وسعيد، ابني عبيد، عن أبي حاتم
المزني قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إذا جاءكم من ترضون
دينه وخلقه فأنكحوه، إلا تفعلوا تكن فتنة في الأرض وفساد، قالوا:

يا رسول الله، وإن كان فيه؟ قال: إذا جاءكم من ترضون دينه وخلقه
فأنكحوه، ثلاث مرات

Maksudnya:

“Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam berkata: Jika datang kepada kamu sesiapa yang kamu redhai agamanya dan akhlaknya maka kahwinkanlah dia. Jika kamu tidak melakukannya maka ia akan menjadi fitnah di bumi dan juga akan berlaku keburukan. Lalu mereka bertanya: Wahai Rasulullah, Jika memang begitu? Lalu Rasulullah berkata: Jika datang kepada kamu sesiapa yang kamu redhai agamanya dan akhlaknya maka kahwinkanlah dia, sebanyak tiga kali beliau menyatakannya.”

Menurut mazhab Hanafiyyah sahaja bahawa kriteria *kafā'ah* dalam agama Islam mestilah seseorang itu asal usul beragama Islam ataupun ayah dan datuknya yang beragama Islam. Pasangan lelaki dan perempuan adalah sekufu atau sepadan jika keduanya Islam begitu juga sekufu jika lelaki Islam dengan perempuan *Ahl Al-Kitabiyyah* atau *Al-Yahadiyyah* atau *Al-Nasraniyyah*. Namun sebaliknya, tidak sekufu jika lelaki Islam bersama dengan perempuan *Al-musyrikah* atau *Al-Muharibah*. Apabila lelaki Islam daripada keturunan Arab tetapi ayahnya kafir tetap sekufu dengan perempuan Muslimah dan ayahnya seorang muslim, sebaliknya jika lelaki Islam yang bukan daripada keturunan Arab adalah tidak sekufu dengan perempuan Muslimah walaupun ayahnya muslim. Bahkan tidak sekufu jika lelaki muslim dan ada seorang ayah muslim dengan perempuan Muslimah dan mempunyai dua orang ayah, sebaliknya mereka pasangan sekufu jika lelaki muslim dan mempunyai dua orang ayah beragama Islam dengan

perempuan Muslimah dan mempunyai dua orang ayah *muslimāni*; kerana nasabnya sempurna mempunyai *Al-'Ab* dan *Al-Jad*. (Al-Marghinani, 2006:485). Adapun daripada mazhab Maliki (Al-Qurtubī, 2004:73), bahawa tidak ada ikhtilaf jika seorang ayah menikahkan anak perempuannya dengan lelaki peminum *khamr* atau lelaki yang *fasiq* jadinya anak perempuan itu berhak untuk menolak lelaki tersebut dan hakim hendaknya membatalkan perkahwinan tersebut daripada tuntutan pembatalan pernikahan daripada si perempuan. Begitu juga jika ia mengahwini anak perempuannya dengan lelaki yang menghasilkan atau bekerja daripada perkara-perkara haram atau lelaki yang suka menakut-nakutkan dan mengugut dengan perceraian. (Slamet Abidin dan Aminuddin, 1999:53). Pandangan Mazhab *Syāfi'i* pula tidak sekufu dengan perempuan yang menjaga kehormatannya bagi seorang lelaki yang *fasiq* kemudian melakukan pezinaan. Sebaliknya jika lelaki tersebut peminum *khamr*, berbohong dan tidak melakukan zina kemudian dia bertaubat maka ia masih dikatakan sekufu dengan perempuan yang solehah dan istiqomah (Al-Jaziri, 2003:58). Mazhab Hambali pula menyatakan lelaki yang *fasiq* adalah seorang yang durhaka dan tidak sekufu dengan perempuan yang solehah serta menjaga kehormatannya. Ini kerana orang yang *fasiq* tidak akan menerima kesaksian dan periwayatannya kerana kekurangan dan kemanusiaannya (Al-Jazirī, 2003:59). Lengkaplah lelaki itu dengan kesolehannya dan ketaqwaannya ('Aqlah, 2002:381) seperti seorang lelaki yang muslim, soleh, penyayang dan tidak *fasiq* (Hajah Nur Anisah Syahirah, 2015:62). Berpegang kepada kriteria *kafā'ah* dalam agama adalah lebih baik dibandingkan berbanding dengan *kafā'ah* dalam nasab dan harta kerana *fasiq* itu menyebabkan keaiban. Perempuan akan merasa aib dan terhina jika lelaki berbuat *fasiq* dan ia melebihi kehinaan dalam nasab. Justeru orang yang *fasiq* ini akan tertolak kesaksiannya dan tidak bertanggungjawab terhadap

diri dan hartanya (Muhammad Zaidān, 2009:381). Lelaki *fasiq* tidak sekufu dengan perempuan solehah atau dengan perempuan yang *fasiq* (perempuan *fasiq* daripada ayah yang *fasiq* atau ayah yang soleh).

Kedua: Nasab

Nasab adalah salah satu yang menjadi ikhtilaf dalam kriteria *kafā'ah* dalam nasab atau keturunan. Adapun terdapat dua pendapat mengenai nasab di dalam kriteria *kafā'ah* iaitu: Pertama, mensyaratkan nasab dalam *kafā'ah* dan ini daripada pendapat *Syāfi'iyah*, *Hanāfiyyah* dan *Hanābilah*. Kedua, menurut jumhur pula nasab adalah dikira dalam mengukur *kafā'ah* (Al-Zuhailī, t.t:229). Dengan kata lain, *kafā'ah* adalah bertujuan bagi melindungi perempuan dan keluarga mereka daripada perspektif masyarakat atau keluarga yang secara langsung atau tidak yang beranggapan negatif. Tambahan pula, tidak boleh ada paksaan kepada perempuan yang akan dikahwinkan dengan lelaki yang tidak sekufu padahal perempuan tersebut berhasrat ingin mempunyai keturunan yang sekufu dan sepadan dengannya. Begitu juga tiada paksaan persetujuan pernikahan daripada wali perempuan dengan kedua pasangan yang tidak sehaluan atau tidak sekufu (Muh Ilham Azis-Achmad Musyahid-Fatmawati, 2021). Perincian yang kedua dari kriteria *kafā'ah* seperti yang ditetapkan dalam mazhab yaitu dalam hal nasab, bahwa orang Arab adalah *kafā'ah* dengan orang Arab, suku Quraisy adalah *kafā'ah* dengan Quraisy lainnya, namun Orang Arab biasa tidak *kafā'ah* dengan orang-orang dari suku Quraisy (Sabiq, 2010: 400). Adapun keislaman orang tua atau nenek dan seterusnya *'ila al-'alā* menjadi kebanggaan tersendiri daripada orang-orang kafir kerana orang yang baru memeluk Islam tidak sepadan dengan orang yang mempunyai bapa atau nenek dan *'ila al-'alā* yang memang

beragama Islam. Bahkan bangsa Arab kebanyakannya memandang kriteria *kafā'ah* dari segi nasab kerana mereka lebih membanggakan keturunan Arab mereka sendiri (Ahmad Azaim Ibrahimy-Nawawi-Muh, 2020:132). Selain itu, keturunan juga dilihat dari segi cara kehidupan keluarga bagi mewarisi generasi dalam keutamaan akhlak dan ciri-ciri baik yang terdapat daripada ibubapa sendiri (Ahmad Royani, 2013:103).

Ketiga: Merdeka

Para fuqaha daripada tiga mazhab *Syāfi'iyyah*, *Hanāfiyyah* dan *Hanābilah* bersepakat bahawa merdeka adalah salah satu kriteria *kafā'ah*; sekufu jika perempuan merdeka dengan lelaki merdeka dan tidak sekufu jika perempuan merdeka dengan lelaki budak walaupun sudah dimerdekakan tuannya. Menurut mazhab *Māliki* pula merdeka bukanlah syarat dalam kriteria *kafā'ah*. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam Surah Al-Nahl ayat 75:

﴿ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَمَن رَزَقْنَاهُ مِنَّا
رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنْفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا هَلْ يَسْتَوُونَ ۚ الْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ
أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴾

Terjemahannya:

“Allah membuat satu perbandingan seorang hamba abdi yang dimiliki orang, yang tidak berkuasa melakukan (dengan bebasnya) sesuatu pun dan seorang (merdeka) yang Kami kurniakan kepadanya rezeki yang baik (harta kekayaan) daripada Kami maka dia pun membelanjakan hartanya itu (dengan bebasnya) secara bersembunyi dan berterang-terangan, adakah mereka itu sama? (Tentulah tidak). Segala pujian untuk Allah tetapi

kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat itu).”

(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014: 679)

Keempat: Harta

Kriteria *kafā'ah* dalam harta bukanlah dipandang seorang lelaki itu kaya atau miskin akan tetapi melihat kepada lelaki tersebut berkemampuan untuk membayar dan memberikan mahar dan nafkah kepada calon isterinya (Al-Marghinānī, 2006:484). Mazhab Hanbali bersepakat harta termasuk kriteria *kafā'ah* kerana jika perempuan berkahwin dengan lelaki yang miskin hartanya akan menyusahkan isterinya dalam memberikan dan memenuhi perbelanjaan nafkah. Beberapa Mazhab Malikiyyah berpendapat harta adalah termasuk kriteria *kafā'ah* yang mana jika lelaki tidak mampu memberikan nafkah kepada isterinya dan ada faktor kemiskinan maka boleh perkahwinan itu dibatalkan oleh ayah si perempuan tersebut. Hanafiyyah pula menyatakan lelaki dan perempuan itu sekufu jika lelaki tersebut mampu membayar mas kahwin dan nafkah. Sebaliknya jika tidak mampu demikian atau salah satunya maka tarafnya tidak sekufu (Rusyd, 2007:427). Ini kerana taraf yang senang dilihat dan dilakukan atas kemampuan seseorang untuk menampung nafkah itu tidak boleh nampak daripada keadaan ayahnya sendiri (Umar Faruq Thohir, 2018:77). Sebahagian fuqaha bersepakat kriteria *kafā'ah* dalam harta adalah dipandang yang mana kemampuan seseorang untuk membayar dan memenuhi nafkah dalam rumah tangga. Kebanyakan masyarakat merasa bangga dengan adanya keturunan dan harta kekayaan walaupun kualiti seseorang itu daripada diri sendiri dan amal solehnya (Sābiq, 1981:130).

Kelima: Pekerjaan

Tidak akan dianggap sekufu jika perempuan mempunyai pekerjaan yang berpangkat tinggi dan terhormat bersama dengan lelaki yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan terhormat seperti salah satu keterampilan pekerjaan yang rendah iaitu penenun, tukang bekam, tukang sapu, tukang sampah dan sebagainya. Hal demikian mempunyai sebab apabila dipandang dan dinilai dari segi kebiasaan atau adat kerana pekerjaan adalah suatu perkara yang terhormat akan tetapi ada juga hal tersebut tidak dinilai atau dipandang di tempat dan waktu yang lain (Qudamah, 2012:297). Banyak juga daripada pandangan masyarakat pada kebiasaannya dengan mereka memilih dan mengutamakan orang-orang *fasiq* daripada orang-orang *mu'min* hanya disebabkan memandang kepada harta yang banyak dan taraf tinggi orang tersebut (Al-Mishri, 2010:264).

Keenam: Tiada Keaiban

Menurut Al-Syarbini menyatakan tiada keaiban daripada lelaki, dengan kata lain tiada kecacatan lelaki seperti gila, penyakit kusta, lemah syahwat, sopak, mati pucuk atau kemaluan terpotong (*majbub*) yang boleh terjadi fasakh dalam perkahwinan atas permintaan isterinya di mahkamah (Al-Syarbīnī, 1994). Jika datang kepadanya keaiban atau aib salah satu diantara kedua pasangan, maka antara keduanya boleh fasakh perkahwinan tersebut. (Al-Zuhālī, 1997:6755) Kalau seorang lelaki mengetahui aib calon isteri tersebut sebelum perkahwinan maka tidak harus baginya untuk tetap menikahnya kecuali lelaki itu redha terhadap aib yang ada daripada perempuan tersebut maka bolehlah dia melanjutkan pernikahannya. Begitu juga sebaliknya tetap sama untuk pihak perempuan yang mengetahui aib calon suaminya (Al-Shairāzī, 1996:264). Kriteria *kafā'ah* atas sebab kecatatan seperti lumpuh

sebelah tangan atau kaki, buta dan sebagainya boleh membawa keaiban kepada perempuan yang sempurna tubuh badannya (Miszairi, 2018:52–69). Tuntutan dalam pernikahan yang berkaitan dengan sekufu atau kesetaraan antara suami dan isteri adalah untuk menjauhi daripada munculnya keaiban dalam perkara-perkara tertentu.

Matlamat Maqasid Syariah dalam Konsep *Kafa'ah*

Maqasid syariah sudah di kenal jauh semasa permulaan Islam pada zaman Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*. Kedatangan Islam dengan adanya maqasid syariah mempunyai tujuan yang bermanfaat apatah lagi dalam perkara mematuhi matlamat hukum syarak untuk kebaikan seluruh umat manusia.

Al-Dharuriyyah merupakan masalah yang sangat diperlukan dalam kehidupan manusia sehingga jika tidak ada *masalih al-Dharuriyyah* maka kehidupan manusia menjadi *binasa sekali pun hilangnya kenikmatan di dunia dan di akhirat. Ia menjadi kepentingan agama dan dunia, jika salah satu keduanya menghilang maka terjadilah kerosakan dalam kehidupan manusia apatah lagi dunia tidak akan pernah membawa kebenaran sendiri melainkan kerosakan terlepas daripada keselamatan dan kebahagiaan* (Al-Syatibi 1997:17). Al-Syatibi (Al-Syatibi 1997:17) *menambahkan dalam menegakkan kepentingan kemaslahatan agama dan dunia iaitu jika agama telah hilang maka dunia tidak akan berjalan lurus. Sebaliknya akan terjadi kerosakan, kelalaian dan kehilangan kehidupan pada akhirnya kehilangan pembebasan, kebahagiaan dan kembali dengan kerugian yang nyata.* Al-Qardawi (Al-Qardhawi 1996:30) juga menyatakan bahawa ajaran Islam didedahkan untuk membolehkan menjadi asas kepada penetapan hukum bergantung kepada pemahamannya sendiri sehingga tidak

merosak lima objektif syarak. Jika terdapat banyak faedahnya maka perkara tersebut hendaklah dijalankan mengikut syara kerana kerosakan yang kecil akan menjadi hilang atau sia-sia. Adapun syarak telah menentukan hukum-hakam bertujuan untuk menjaga lima perkara iaitu *Hifz al-Din* maksudnya menjaga agama, *Hifz al-Nafs* maksudnya menjaga nyawa, *Hifz al-'Aql* maksudnya menjaga akal, *Hifz al-Nasl* maksudnya menjaga keturunan dan *Hifz al-Mal* maksudnya menjaga harta (Al-Ghazali 1997:174).

Pertama: Menjaga Agama (*Hifz Al-Din*)

Hifz Al-Din adalah melindungi seseorang yang dipertanggungjawabkan sebagai mukallaf untuk melaksanakan suatu yang diamanahkan, dijauhkan dan terhindar daripada fitnah serta kesalahfahaman tentang agama. Manusia diamanahkan untuk tidak menyesatkan agama yang dianuti oleh seseorang dan melakukan penghinaan tentang agamanya, bahkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mengharamkan manusia untuk membentuk apa-apa sahaja dengan kemungkaran dan kerosakan di dunia ini. *Hifz Al-Din* bertujuan terpelihara daripada murtad dan berperang atau membunuh orang lain (Al-Qurāfi, 1995:3255) ('Abi Al-Qāsim, 1986:119). Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* daripada surah Al-Taubah ayat 29:

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ

Terjemahannya:

“Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (beriman) kepada hari Akhirat...”

(Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, 2014:459)

Pegangan agama Islam menjadi pegangan utama yang mesti dimiliki oleh manusia kerana agama boleh mengatur perjalanan hidup manusia ke arah yang sempurna dan teratur dan ia menjadi suatu kewajiban untuk memeliharanya dan mengelak daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan aqidah Islam (Azme Matali – Nor Hafizah, 2019:48). Perkahwinan adalah ibadah dilakukan supaya menjaga agama yang mana taat kepada perintah Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan RasulNya dan menjauhi daripada laranganNya. Sekufu atau sepadan antara pasangan itu jika melakukan ibadah bersama-sama akan mendapatkan keberkatan dan perlindungan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Maka jelaslah kesepadanan atau sekufu pasangan itu mempunyai menjaga agama.

Kedua: Menjaga Jiwa (*Hifz Al-Nafs*)

Hifz Al-Nafs termasuk menjaga hak-hak kehidupan harapan kebahagiaan diri sendiri dan keluarga dengan mencegah daripada perbuatan-perbuatan yang hina dan buruk kerana agama Islam memberikan perlindungan selama mana setiap individu mempunyai kehidupan sosial mahupun kebebasan dalam pekerjaan (Ashwab Mahasin, 2020:28). *Hifz Al-Nafs* menjadi peranan yang sangat penting untuk memudahkan manusia menjalankan tanggungjawab dari segi memelihara kesihatan mental fizikal dan keselamatan daripada penyakit atau sesuatu yang boleh merosakkan tubuh badan di dunia dan di akhirat (Azme Matali – Nor Hafizah, 2019:60: Hajah Siti Khadzinah – Hajah Norashikin, Bab 2.). *Kafā'ah* boleh menjaga jiwa kedua pasangan dan orang yang terdekat (ahli keluarga). Terutama sekali jiwa daripada zahiriyah dan batiniyyah seperti perasaan hati, akal fikiran, mental dan fizikal seseorang. Jiwa dari segi bahasa adalah hati manusia begitu juga dari maksud lain adalah roh manusia. Mempunyai jiwa yang tenang boleh melahirkan seseorang

yang baik dan bersabar. Kaitan dengan *kafā'ah* dan menjaga jiwa dari segi maqasid syariah adalah keseimbangan dan ketepatan antara dua pasangan dan tidak menjejaskan kemudharatan dalam perkahwinan terutama sekali pembubaran perkahwinan dan bergaduhan rumah tangga. Ia juga menjaga jiwa kemasyarakatan dan mempertahankan hal ehwal kekeluargaan syariat Islam.

Ketiga: Menjaga Keturunan (*Hifz Al-Nasl*):

Hifz Al-Nasl pula mempunyai larangan perzinaan dan memerlukan hukuman had jika terjadi perzinaan. Bahkan memerlukan sokongan, perpaduan dan kerjasama kerana jika tiada larangan dan hukuman had tersebut maka tidak menjadi suatu *'adah* dalam kehidupan (Al-Zarkashī, 1994:266). Adapun *Hifz Al-Nasl* adalah satu keperluan manusia seperti memelihara seorang lelaki daripada mengebiri atau terpelihara daripada meninggalkan perempuan dan berpegang teguh untuk membujang selamanya atau seperti memelihara perempuan daripada memotong sebahagian anggota rahim atau memotong payudara ataupun keduanya yang boleh membawa kematian, kemudharatan dan sebagainya (Al-Tūnisī, 2004:139). *Hifz Al-Nasl* adalah pemeliharaan keturunan dan juga memelihara maruah dengan menjaga perkahwinan dengan teliti dan teratur bagi pembentukan gambaran, akhlak dan kedudukan yang sangat baik juga yang diharapkan oleh masyarakat (Azme Matali – Nor Hafizah, 2019:70).

Keempat: Menjaga Akal (*Hifz Al-'Aql*)

Hifz Al-'Aql merupakan objektif Maqasid Syariah dalam memelihara akal dengan perkembangan akal fikiran yang sihat dengan memikirkan kebesaran dan ciptaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, menuntut ilmu pengetahuan dan

sebagainya (Azme Matali – Nor Hafizah, 2019:70). Al-Tunisi yang menyatakan *Hifz Al-'Aql* melindungi akal fikiran seseorang daripada kecacatan seperti melindungi akal daripada melakukan rasuah dan ia juga boleh berkaitan yang disebabkan seperti mabuk, dadah, dan sebagainya (Al-Tūnisī, 2004:139). Pada umumnya, semua orang mahu memilih pasangan yang sepadan atau sekufu supaya senang memahami keadaan pasangan dan pendapatnya selepas perkahwinan. Kesefahaman sewajarnya menjadi kepentingan utama dalam rumah tangga supaya tidak terjadi ketidaksefahaman atau pergaduhan antara keduanya. Jadinya *kafā'ah* boleh menjaga akal fikiran pasangan sebelum dan selepas perkahwinan. Akal adalah keutamaan manusia untuk mengetahui kebaikan dan keburukan sesuatu perkara apatah lagi dalam perkahwinan yang mana akan hidup bersama seseorang sebagai suami atau isteri. Kesihatan akal itu perlu ada pada setiap pasangan rumah tangga kerana kesihatan mental fikiran seseorang itu akan mencerminkan dirinya, akhlaknya dan kesihatannya dari segi jasmani dan rohani. Jika seseorang itu mempunyai banyak fikiran yang positif dan sihat maka jelaslah dia boleh bijak melakukan suatu perkara dan bertahan dalam pukulan permasalahan yang akan dihadapinya.

Kelima Menjaga Harta (*Hifz Al-Mal*):

Hifz Al-Mal mempunyai dua perkara iaitu pertama: terlindungi daripada jaminan kepada orang yang melampaui batas kerana harta adalah asas kehidupan manusia dan kedua: terjaga daripada perbuatan *sariqah* dalam harta manusia ('Abū 'Abdullah Badr Al-Dīn Muhammad Al-Zarkashī, 1994:266). *Hifz Al-Mal* juga dengan cara mengikuti adab-adab Islam (Al-Tūnisī, 2004:139). *Hifz Al-Mal* pula dipelihara oleh *syar'a* dalam jaminan dan hudud (Al-Qurāfī, 1995:3255) ('Abi Al-

Qāsim, 1986:119). Hifz Nasab terjaga daripada hukum larangan zina kerana percampuran zuriat nasab yang boleh membawa terputusnya ikatan hubungan anak dan membawa kerosakan kemaluan yang melampaui batas (Al-Qurāfi, 1995:3255). *Hifz Al-Mal* adalah melindungi harta kekayaan masyarakat daripada kepunahan, kehancuran, keralihan secara haram atau tidak sah terhadap ketidakadilan dalam hak-hak tertentu. Menjaga harta dalam perkahwinan adalah terbentuk perlindungan terhadap isteri dan anak-anak dalam keluarga seperti hak-hak nafkah dan harta waris. Adapun *Hifz Al-Mal* sangat berkesan dalam konsep *kafā'ah* yang mana jika kesepadanan atau sekufu antara kedua pasangan maka tidak terjadi permasalahan yang panjang dalam kewangan dari segi keadilan ekonomi keluarga termasuk nafkah atau waris, meningkatkan taraf kehidupan selama mana memahami keadaan dan status kehidupan bersama suami atau isteri dan sebagainya.

Konteks Isu-Isu Semasa Tanpa Kriteria-Kriteria *Kafā'ah* di Negara Brunei Darusslam.

Rajah 1: Statistik Sebab-Sebab Aduan/Masalah Rumah Tangga daripada Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).
(Dikeluarkan pada tahun 2021)

SEBAB-SEBAB ADUAN / MASALAH RUMAHTANGGA	2016	2017	2018	2019	2020	2021	JUMLAH
1.Tiada Persefahaman	240	173	166	204	206	172	1161
2.Pengabaian Nafkah/ Tanggungjawab	148	143	114	121	131	94	751
3.Hubungan Dengan Orang lain	60	99	82	87	47	44	419
4.Isteri Tidak Taat / Keluar Rumah	40	60	80	58	27	22	287
5.Suami Memukul Isteri/ Keganasan dlm Rumahtangga	35	49	32	43	22	18	199
6.Sering Bertengkar	42	49	36	50	16	33	226
7.Suami Pamarah / Panas Baran	33	16	25	25	21	14	134
8.Tidak Bersekedudukan dlm tempoh yg lama	0	69	60	80	58	43	310
9.Terlibat Dengan Dadah/ Islah	23	14	25	19	17	7	105
10.Suami Atau Isteri Balik ke Negara Asal /Ghaib/Tidak diketahui	16	25	19	21	34	17	132
11.Masuk Penjara	24	12	22	22	15	10	105
12.Campurtangan Keluarga	20	7	11	3	4	3	48
13.Masalah Poligami	12	7	8	8	2	2	39
14.Masalah Zuriat	0	0	0	0	0	0	0
15.Sebab-sebab lain	31	57	55	71	75	77	366
JUMLAH	724	780	735	812	675	556	4282

BKNK, JHES, KHEU

Merujuk kepada Rajah 1, sebab tiada persefahaman suami dan isteri merupakan sebab aduan masalah rumah tangga yang tertinggi di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu pengkaji mengaitkan sebab tiada persefahaman menjadi salah satu adanya tidak sekufu di antara kedua pasangan sehingga berlaku kekonflikan di dalam rumah tangga. Adapun tiada persefahaman pasangan juga dimaksudkan salah faham yang kerap berlaku jika seseorang itu memicu atau melihat apa yang sekufu baginya dengan pasangannya lain pada satu bahagian sahaja (Aiman-Dr Harlina Halizah, 1:26). Walhal keserasian suami dan isteri boleh sekufu dari segi pelbagai sudut; satu sudut tidak menjanjikan kekal dalam perhubungan pasangan. Bukan hanya itu, keserasian atau kekufuan pasangan suami dan isteri itu kalau berlaku pergaduhan atau perselisihan faham apatah lagi berbeza pendapat, mereka tidak berlanjutan ke arah perpecahan atau peperangan (Aiman-Dr Harlina Halizah, 1:28).

Adapun informan 1, 2, 3 dan 4 di dalam penerangan isu-isu di bawah adalah daripada dapatan temu bual bersama pegawai-pegawai Kanan dan Ugama Bahagian Khidmat Nasihat Rumah Tangga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Ugama (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Isu Pertama: Masalah Kesihatan

Aspek kesihatan pada masa ini merupakan salah satu hal terpenting dalam rumah tangga. Menjaga kehidupan yang baik adalah meneruskan gaya hidup yang sihat baik bagi individu itu sendiri mahupun bersama pasangannya, mengetahui dan menerapkan tanggungjawab secara fizikal dan mental dan boleh menjauhkan diri sendiri daripada masalah atau risiko yang akan datang dalam sebuah perkahwinan. Adapun informan 1 mengatakan setiap

pasangan mempunyai matlamat sendiri dan perlulah diperjelaskan supaya matlamat tersebut dapat dicapai sebagai contoh pasangan suami dan isteri menginginkan zuriat. Malah, kriteria *kafā'ah* dari segi kesihatan bagi pasangan suami dan isteri perlu ada matlamat dengan tujuan yang jelas untuk mengarahkan pasangan ke arah keluarga yang harmoni bagi mengelak daripada risiko yang akan datang dan ini dipersetujui oleh semua informan. Jadinya meneliti *kafā'ah* dari sudut kesihatan boleh memberikan pengetahuan atau peringatan bahawa pasangan yang bakal bergelar suami atau isteri berada dalam keadaan sihat ataupun sebaliknya. Informan 1 dan 4 menambahkan dan menjelaskan bahawa pasangan mesti bersedia awal terhadap risiko dan menerima kekurangan masing-masing terutama sekali berkaitan dengan kesihatan; menjaga dan mengamalkan pemakanan yang sihat dan bersenam setidaknya boleh menjauhkan diri sendiri daripada bahaya penyakit-penyakit yang berjangkit apalagi penyakit kronik. Tambahan daripada informan 2 menyatakan bahawa kriteria *kafā'ah* dari segi kesihatan perlu difikirkan awal oleh bakal-bakal pengantin kerana peranan penting bagi pasangan suami dan isteri adalah apa yang berlaku selepas perkahwinan yang mana ia berkaitan dengan redha dan keikhlasan hati masing-masing.

Isu Kedua: Mempunyai Jarak Umur yang Jauh

Pada umumnya, banyak pasangan suami dan isteri mempunyai jarak umur yang berbeza seperti suami lebih tua daripada isterinya atau isteri lebih tua daripada suaminya atau umur pasangan yang sama, hanya berbeza pada waktu atau bulan dan seumpamanya. Oleh itu, jarak umur yang jauh atau ketara di antara pasangan suami dan isteri boleh terjadi tiada persefahaman dan memberi impak yang negatif jika tidak terkawal konflik dalam rumah tangga. Informan 1 berpendapat terhadap kriteria *kafā'ah* dalam aspek umur

boleh menyebabkan ketidaksefahaman suami dan isteri jika perbezaan umur pasangan tersebut sangat ketara dan bermungkinan disebabkan oleh sekeliling persekitaran seperti mengikut persekitaran di tempat kerja ataupun persekitaran di antara persahabatan dan seumpamanya. Walau bagaimanapun pasangan tersebut mesti mempunyai usaha untuk mengenal dan menyesuaikan diri bersama pasangannya masing-masing. Manakala informan 2 dan 4 menyatakan bahawa umur tidak menjadi masalah jika dikaitkan dengan penyebab tidak sefahaman suami dan isteri. Namun informan 2 menambahkan pada masa sekarang jika suami dan isteri itu berumur di tahap yang muda, maka mereka kebanyakannya memang belum sesuai untuk mendirikan rumah tangga disebabkan dari segi fikiran yang belum matang. Pada kebiasaannya individu yang masih muda selalu berkobar-kobar dan cepat membuat sesuatu perkara dalam keputusan atau pilihan tanpa memikirkan akibat atau kesannya dengan teliti. Sepertimana daripada kisah Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* berkahwin dengan isterinya Siti Khadijah *Radhiallahu 'Anha*, informan 1 mengaitkan dan menyatakan kisah baginda Rasulullah bahawa tidak jadi masalah dalam jarak umur yang jauh apalagi seorang isteri lebih tua daripada suaminya. Oleh itu, apa yang boleh diambil dari kisah tersebut adalah cara Siti Khadijah *Radhiallahu 'Anha* memilih calon pasangannya sebelum ke arah pernikahan, dengan memerhati dan melihat kriteria yang ada daripada Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* iaitu akhlakunya yang baik, jujur dan amanah. Sedangkan sebelum Siti Khadijah *Radhiallahu 'Anha* bersama Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*, beliau mempunyai banyak pengalaman berumah tangga. Namun Siti Khadijah *Radhiallahu 'Anha* percaya bahawa kebahagiaan rumah tangga ditentukan oleh personaliti berakhlak mulia. Adapun di kalangan pasangan yang muda walaupun dinyatakan bahawa umur yang sepadan sangat

digalakkan supaya tidak menjadi isu tiada sefahaman di antara suami dan isteri. Namun umur yang ketara dan sangat muda, sebenarnya perlu bimbingan yang baik daripada ibu bapa, ahli keluarga dan orang yang lebih berpengalaman dalam rumah tangga kerana pada umumnya pasangan yang sangat muda adalah golongan darah muda yang hampir dengan menyukai kebebasan. Bahkan umur muda kerap sekali tidak dapat mengawal emosi dari dirinya sendiri. Jadinya, memang umur tidak mencerminkan seratus peratus serupa dengan akhlak dan cara kedewasaan daripada individu tersebut. Akan tetapi tidak dinafikan bahawa meneliti dan memandang konsep *kafā'ah* dari segi usia dijadikan sebagai salah satu kepentingan membuat pilihan bakal pasangan sebagai suami atau isteri.

Isu Ketiga: Pekerjaan

Di Negara Brunei Darussalam sudah menjadi suatu kebiasaan bahawa seorang perempuan atau isteri memiliki pekerjaan dan mendapat penghasilan gaji mengikut tahap persekolahannya atau pendidikannya. Oleh itu, apabila seorang isteri memiliki pekerjaan maka mesti ada keizinan daripada pihak suaminya mengikut aturan syariat Islam. Adapun informan 1 menyatakan setelah ada keizinan suami membolehkan isterinya bekerja, maka dia mesti bijak menyeimbangi tugas kerjayanya dengan tugasnya sebagai isteri dan ibu di rumah. Isteri yang bekerjaya perlu tahu siapa dirinya di kedudukannya ketika bekerja dan kedudukannya ketika di rumah; suami tetap menjadi ketua keluarga walaupun tiada pekerjaan di mana-mana tempat. Manakala informan 1 menyatakan fakta kes aduan yang pernah dikendalikan, kebanyakannya kes aduan tersebut terdiri daripada seorang isteri yang memiliki pekerjaan dan berjawatan tinggi daripada suaminya sendiri. Oleh itu, kriteria *kafā'ah* ditekankan dari sudut pekerjaan terutama sekali bagi pihak lelaki; sebagai seorang suami hendaklah

bersedia menjalankan tugas-tugas asas iaitu bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya dan bersedia menjadi ketua keluarga untuk menjaga dan berlaku adil bagi perbelanjaan ekonomi keluarga. Walau bagaimanapun, kerjaya bagi pihak perempuan tidak menjadi satu isu dalam pernikahan jika dia diberi keizinan dari suaminya asalkan sebagai isteri tahu niat dan tujuannya untuk bekerja. Namun informan 4 melanjutkan dan menyatakan fakta daripada pengendalian kes aduan bahawa pasangan yang bekerja dan berjawatan sering kali berlaku kurang berkomunikasi dan tidak banyak meluangkan masa bersama-sama kerana kesibukan tugas masing-masing.

Isu Keempat: Perbezaan Bangsa dan Puak

Penikahan pasangan yang berlainan bangsa atau puak tidak terlepas daripada risiko dalam masalah rumah tangga. Apatah lagi pasangan berbeza bangsa atau puak lebih terdedah kepada bermacam-macam konflik rumah tangga kerana berbeza adat dan budaya. Pendapat informan 1 menyatakan *kafa'ah* dari segi bangsa atau puak, ia lebih sesuai jika kedua di antara pasangan berasal dari warganegara atau puak yang sama supaya mereka lebih mudah menerima adat budaya dan cara kehidupan dari persekitaran masyarakat atau keluarga masing-masing. Jadinya sekufu bagi calon pasangan yang sama dari sudut bangsa atau puak kerana kebiasaan cara tradisi dan budaya kehidupan mereka yang sangat setara. Kata istilahnya jika pasangan itu sebangsa atau sepuak, maka ia lebih meringankan beban seterusnya selepas berumah tangga. Apabila salah satu pasangan didapati berbeza bangsa atau puak, jadinya dia perlu bertungkus lumus untuk menyesuaikan dirinya sendiri dengan pasangannya tersebut supaya tidak menjadi isu perdebatan dalam rumah tangga. Manakala informan 3 berpendapat bahawa tidak menjadi

suatu masalah kalau bakal pasangan suami atau isteri berkahwin dengan orang yang berbeza bangsa atau puak kerana cinta manusia tidak akan memilih bangsa atau puak. Asalkan tidak lupa perkara yang paling penting iaitu pasangan mesti beragama Islam dan ada restu ibu bapa serta keluarga di antara kedua pihak pasangan kerana perkahwinan bukan nikah bersama pasangan sahaja tetapi bersama ahli keluarga. Akan tetapi, Informan 4 pula berpendapat kelainan bangsa atau puak boleh mendatangkan risiko dan beban selepas perkahwinan. Awal ataupun akhir akan terjadi satu isu yang berungkit jika tidak ada kebiasaan dari salah satu keluarga terutama sekali tradisi dan budaya yang bertentangan dengan syariat Islam. Adakalanya di antara pasangan merasa susah untuk menerima, memahami dan menerapkan budaya tradisi yang sudah menjadi kebiasaan daripada pasangannya yang lain apatah lagi kalau tinggal bersama keluarga yang bukan sebangsa atau sepuak. Walaupun tidak semua orang sedemikian, ada segelintir individu yang boleh menerima adat dan budaya pasangannya masing-masing walaupun bukan sebangsa atau sepuak. Apa yang paling utama adalah menjaga perkara-perkara yang dibatas oleh agama selagi mana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Kemudian informan 2 menyatakan bahawa *kafā'ah* bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia demi melindungi rumah tangga pasangan suami dan isteri. Bukan saja menjaga pasangan suami dan isteri, bahkan melindungi orang-orang yang terdekat seperti ahli keluarga daripada kedua-dua pihak.

***Kafā'ah* Salah Satu Tuntutan dalam Perkahwinan**

Keadilan dalam perkahwinan itu ada di dalam Islam. Islam juga telah memberikan kepada kaum lelaki hak talak secara mutlak yang bertujuan jika terjadinya permasalahan rumah tangga yang sudah tidak dapat lagi diselamatkan setelah sedaya upaya untuk melindungi rumah tangga dengan

didikan syariat Islam, kaunseling kekeluargaan dan seumpamanya. Namun ada beberapa hak talaq disalahgunakan oleh suami yang kurang bertanggungjawab. Perkara ini dapat dikaitkan sebagai jalan penyelesaian yang diberikan di dalam Islam dengan mempertimbangkan kriteria-kriteria *kafā'ah* sebelum melanjutkan sebuah pernikahan. Jadinya pihak perempuan itu lebih baik berusaha untuk memilih pasangan calon suami sebaik mungkin dengan yang dapat memahami tugas dan tanggungjawab dengan baik sebagai suami selayaknya serta memahami konsep pemakaian talaq dalam syariat Islam yang akan dimiliki setelah perkahwinan.

Kafā'ah menjadi satu pembahasan daripada beberapa ulama; kriteria *kafā'ah* yang paling penting ada dua aspek. Pertama adalah agama yang menjadi suatu keislaman dari segi keturunan atau tayadun dan ketaatan. Yang kedua pula kehidupan yang terdiri daripada lima kriteria iaitu keturunan, harta dan harta, fizikal (cacat atau tidak cacat), pekerjaan dan taraf merdeka atau budak (Ahmad Shofi, 2022:26). Tidak akan ada manusia sempurna yang diinginkan seperti memenuhi kriteria-kriteria *kafā'ah* sepenuhnya sepertimana disebutkan oleh para fuqaha. Namun penyampaian tentang kriteria-kriteria *kafā'ah* yang disepakati oleh para ulama merupakan jaminan kebahagiaan dan kesejahteraan dalam sebuah perkahwinan. Walaupun kebanyakan mereka tidak mempunyai kriteria-kriteria *kafā'ah* secara menyeluruh maka yang paling diutamakan dalam syariat Islam adalah kriteria dari segi agama. Agamalah memberikan kesan dan hasil seluruh kehidupan seseorang apatah lagi bertambahnya ahli keluarga selepas akad perkahwinan. Maka kegagalan tetap menjadi kesan yang buruk jika meneruskan perkahwinan dalam perbezaan agama di antara suami dan isteri daripada beragama Islam yang sama kedua pasangan tersebut (Nasarudin 2001:101). Tetap kriteria *kafā'ah* dalam

agama adalah paling utama walaupun setiap individu mempunyai kebebasan untuk memilih pasangan sebagai calon suami atau isteri yang dianggap sekufu atau setaraf (Siti Nur Husna 2020:4).

Adapun Sayyid Uthman menyatakan orang-orang Islam dikenal dan diberikan dari segi kelahiran, pekerjaan dan peringkat dari segi pangkat. Maka perkahwinan antara perempuan *syarifah* dengan lelaki yang bukan *sayyid* boleh menjadi permasalahan dan perdebatan yang panjang walaupun perempuan dan walinya menyukai dan bersetuju untuk nikah dengan lelaki tersebut. Ini disebabkan kelahiran Arab mempunyai darjat yang lebih tinggi daripada orang yang bukan daripada Arab (Siti Suniah: 98). Kalau pun perkahwinan tersebut dilanjutkan dan diperbolehkan, ia akan merangkumi dua permasalahan. Yang pertama akan dianggap menyakitkan perasaan *Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan *Sayyidah Fatimah Radhiallahu 'anha* dan yang kedua adalah menimbulkan kemurkaan kaum *sayyid Ahlu Al-bait* sebab menghina anak cucunya (Ahmad Shofi, 2022: 97-101).

Para ulama juga berbeza pendapat dari segi dalil atau hukum mengenai *kafā'ah* terutama sekali *kafā'ah* syarifah. Antaranya hadith yang diujjahkan daripada *Ibn 'Umar Radhiallahu 'anhu*, *Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam* bersabda (Al-Baihaqi, 2003:217. No. Hadith: 13769. Hukum Hadith: Hadith Dho'if):

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال: قال رسول الله صلى
الله عليه وسلم: ((العرب بعضهم أكفاء لبعض قبيلة بقبيلة، ورجل
برجل والموالي بعضهم أكفاء لبعض قبيلة بقبيلة، ورجل برجل، إلا
حائك أو حجام))

Terjemahannya:

“Orang arab itu sekufu satu sama lain, suku dengan suku, lelaki dengan lelaki, sedangkan mawali (para mantan budak) sekufu dengan sesama mereka, suku dengan suku, lelaki dengan lelaki, kecuali tukang tenun dan tukang bekam.”

Hadith di atas adalah hadith *Dho'if* bahkan beberapa para ulama menganggap beberapa hadith yang berkaitan dengan kriteria *kafa'ah* dalam nasab atau keturunan adalah bertarafkan dhaif. Jadinya ia bukanlah menjadi satu ketentuan yang murni daripada syar'i. Akan tetapi ada juga para ulama yang berpendapat tidak sekufu dari segi nasab adalah berlawanan dengan persamaan kedudukan manusia. Sepertimana di dalam Al-Qur'an bahawa taraf manusia itu tidak ada suatu kelebihan di antara satu sama lain termasuklah perbezaan suku bangsa; kerana apa yang paling penting adalah ketaqwaan hambaNya kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan bertujuan untuk mengenal dan menghormati sesama saudara manusia (Ahmad Shofi, 2022:130). Dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahannya:

“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang

paling bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.”
(Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya, 2014:1348)

Sepertimana Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* telah menurunkan ayat di atas sebagai larangan bagi manusia yang membanggakan nasab atau keturunan. Maka yang paling penting dalam kriteria *kafā'ah* adalah kriteria dalam agama kerana semua manusia akan tetap sama dihadapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan hanya ketaqwaan yang boleh membezakannya. Tambahan pula daripada tafsiran Al-Qinnaui (Al-Qinnaui, 1992:153) bahawa taraf manusia itu lebih mulia dan lebih baik berdasarkan ketaqwannya kerana mereka yang membanggakan atau bermegah-megah tentang nasab atau keturunan tidak memerlukan kemurahan hati, tidak membuktikan kehormatan dan tidak memerlukan kebajikan.

Oleh itu, keserasian pasangan dalam perkahwinan adalah perkara yang cukup menarik bagi garis tujuan pernikahan yang mana memang seseorang itu menentukan proses pencarian atau perjodohan dan melanjutkan ke arah pernikahan yang halal (Hasan Basri 1996:117). Walaupun *kafā'ah* atau sekufu dalam perkahwinan tidak diatur oleh undang-undang perkahwinan atau di dalam al-Qur'an, namun tetap menjadi kepentingan bagi mewujudkan rumah tangga yang harmoni dan tenteram (Dr H. Kosim 2019:44).

Kesimpulan

Di Negara Brunei Darussalam, masih menerima kes aduan rumah tangga di BKNK, JHES, KHEU. Walau bagaimanapun secara umum, di kalangan masyarakat masih berlaku perkahwinan bagi membina institusi keluarga dan rumah tangga. Tidak jauh dari itu, salah satu keutamaan

pernikahan berumah tangga di antara suami dan isteri yang harmoni adalah tidak mengabaikan konsep *kafā'ah*. *Kafā'ah* selalunya berlaku sebelum pernikahan supaya kedua pasangan sekufu. Semua orang ingin mempunyai pasangan yang sekufu agar tidak terjadi masalah yang berbangkit apatah lagi di era zaman sekarang yang melibatkan isu-isu semasa. Walaupun hakikatnya, setiap rumah tangga akan berlaku perselisihan di antara suami dan isteri kerana berbeza pendapat, berbeza pilihan dan sebagainya, namun tidak mendorong perhubungan masing-masing sampai ke arah perceraian jika pasangan tersebut secepatnya menyelesaikan masalah rumah tangga satu sama lain. Oleh itu, sebelum pernikahan lagi *kafā'ah* adalah penting bagi mencerminkan individu tertentu sebagai suami atau isteri dalam berumah tangga. Tidak jauh dari itu, pengaruh maqasid syariah perlu ada di setiap orang-orang Islam terutama sekali keperluan *kafā'ah* yang memberikan pengaruh besar terhadap institusi kekeluargaan. Apabila individu itu berpegang teguh kepada agama Islam maka kukuhlah institusi keluarganya yang *Sakinah Mawaddah Wa Rahmah*. Walaupun pada hakikatnya sepanjang tempoh pernikahan, kriteria-kriteria *kafā'ah* daripada pasangan suami dan isteri tidak kekal tetapi ia boleh bertukar-tukar mengikut keadaan dan sepanjang berumah tangga. Namun begitu, konsep *kafā'ah* menjadi satu panduan dalam pemilihan pasangan yang bersesuaian mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh syariat Islam dan mengikut keinginan individu itu sendiri. Jadinya wajar bahawa konsep *kafā'ah* menjadi salah satu meraih kebahagiaan dalam rumah tangga.

Rujukan

- 'Abi Al-Qasim, Mahmud bin 'Abd Al-Rahman. (1986). *Bayan Al-Mukhtasar Sharh Mukhtasar Ibnu Al-Hajib*. Saudi: Dar Al-Madani.
- Abd Al-Hamid 'Umar, 'Ahmad Mukhtar. (2008). *Mu'jam Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah*. Beirut: 'Alim Al-Kutub.
- Ahmad Azaim Ibrahimy-Nawawi-Muh. Nashirudin. (2020). *Kriteria kafa'ah dalam Perkawinan: Antara Absolut-Universal dan Relatif-Temporal*. Indonesia: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum.
- Ahmad Royani. (2013). *Kafaah dalam Perkawinan Islam (Tela'ah Kesederajatan Agama dan Sosial)*. Jurnal: Al-Ahwal.
- Ahmad Shofi. (2022). *Menyoal Kafa'ah Syarifah: Studi Kritis Pemikiran Fikih Sayyid Utsman bin Yahya tentang Kafa'ah Syarifah*. Indonesia: Penerbit A-Empat Edisi 1.
- Ahmad Mustafa Al-Maraghi. (1946). *Tafsir Al-Maraghi*. Mesir: Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Aiman Azlan-Dr Harlina Halizah Siraj. (2022). *Sekufu: Bina Keserasian & Bentuk Persefahaman dalam Rumah Tangga*. Malaysia: Iman Publication.
- Al-Habib bin Tahir. (2005). *Al-Fiqh Al-Maliki Wa 'Adillatuh*. Beirut: Mu'assasah Al-Ma'arif.

Al-Husaini, Muhammad bin Muhammad bin Abd Al-Razaq-
'Abu Al-Faid-Al-Mulaqqab Bi Murtada. (t.t). Taj Al-
'Urus Min Jawahir Al-Qamus.

Al-Baihaqi, Ahmad bin Al-Husain bin 'Ali bin Musa Al-
Khusrawjirdi Al-Kharasani. (2003). *Al-Sunan Al-
Kubra*. Lubanan: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Hamdani. (2002). *Risalah Nikah (Hukum Perkahwinan
Islam)*. Jakarta: Pustaka Amani.

Al-Jaziri. 'Abd Al-Rahman bin Muhammad. (2003). Al-
Fiqh 'Ala Al-Mazhab Al-'Arba'ah. Lebanon: Dar
Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Marghinani, Burhan Al-Din 'Ali bin 'Abi Bakr. (2006).
Al-Hidayah Sharhu Bidayah Al-Mubtadi. Mesir: Dar
Al-Salam.

Al-Maliki, 'Abu Al-'Abbas Shihab Al-Din 'Ahmad bin
'Idris. (1994). *Al-Dhakhirah*. Tunisia: Dar Al-Gharb
Al-'Islami.

Al-Mishri, Syaikh Mahmud. (2010). *Bekal Pernikahan*,
Jakarta: Qisthi Press.

Al-Qazwini. (t.t). *Sunan Ibn Majah*. Mesir: Dar 'Ihya' Al-
Kutub Al-'Arabiyyah.

Al-Qinnaui. 'Abu Taib Muhammad Saddiq Khan. (1992).
Fathu Al-Bayan Fi Maqasid Al-Quran. Sidon: Al-
Maktabah Al-'Asriyyah Lil Taba'ah Wa Al-Nashr.

- Al-Qurafi, Shihab Al-Din 'Ahmad bin 'Idris. (1995). *Nafa'is Al-'Usul Fi Sharhi Al-Mahsul*. Beirut: Maktabah Nizar Mustafa Al-Baz.
- Al-Qurtubi. 'Abu Al-Walid Muhammad bin 'Ahmad bin Muhammad. (2004). *Bidayah Al-Mujtahid Wa Nihayah Al-Muqtasid*. Mesir: Dar Al-Hadith.
- Al-Sayyid Al-Bakri. *I'annah Ath-thaalibin*. Daar ihyaa' al-kutub al-'arabiyyah.
- Al-Shairazi. (1996). *Al-Muhazhab Fi Fiqhu Al-'Imam Al-Syafi'i*. Damsyik: Dar Al-Qalm.
- Al-Shafi'i, Sulaiman Bin Muhammad bin 'Umar Al-Bujairami. (1950). *Al-Tajrid Linaf'i Al-'Abid = Hashiah Al-Bujairami 'Ala Sharhi Al-Manhaj (Manhaj Al-Tulab Ikhtasaruhu Zakariyya Al-'Ansari Min Manhaj Al-Talibin Lil Nawawi Thumma Sharahahu Fi Sharhi Manhaj Al-Tulab)*. Mesir: Matba'ah Al-Halabi.
- Al-Syarbini, Muhammad. (1994). *Mughni Al-Muhtaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Syafi'i. 'Abu 'Abdullah Muhammad bin 'Idris bin Al-'Abbas. (1990). *Al-'Um*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Tunisi. Muhammad Al-Tahir bin Muhammad. (2004). *Maqsid Al-Syari'ah Al-'Islamiyyah*. Qatar: Wizarah Al-'Auqaf Wa Al-Syu'un Al-'Islamiyyah.
- Al-Zarkashi, 'Abu 'Abdullah Badr Al-Din Muhammad. (1994). *Al-Bahr Al-Muhit Fi 'Usul Al-Fiqh*. Beirut: Dar Al-Kutubi.

- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1997). *Al-Fiqhu Al-'Islami Wa 'Adillatuhu*. Syria: Dar Al-Fikr. Bab Ahwal Al-Shakhsiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2010). *Mawsuah Al-Fiqh Al-'Islami Wa Al-Qadaya Al-Mu'asarah*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (t.t). *Al-Fiqhu Al-'Islami Wa 'Adillatuhu*. Syria: Dar Al-Fikr.
- Ashwab Mahasin, M.H. (2020). *Reinterpretasi Konsep Kafa'ah (Pemahaman dan Kajian Terhadap Maqasid Shari'ah)*. Jurnal: Al-Syakhsiyyah, Jurnal Undang-Undang dan Keluarga. Jil 2. No 1.
- Azme Matali – Nor Hafizah. (2019). *Komplikasi Isu-Isu Maqasid Syariah Sebagai Pemangkin Negara Makmur Di Negara Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam: UNISSA Press. Bahagian 2. (Hajah Siti Khadzinah – Hajah Norashikin. Maqasid Syariah Dalam Fatwa Mufti Kerajaan Berkaitan Amalan Masyarakat Brunei).
- Dr. H. Kosim, M.Ag. (2019). *Fiqh Munakahat 1: Dalam Kajian Filasafat Hukum Islam dan Keberadaannya dalam Politik Hukum Ketatanegaraan Indonesia*. Indonesia: RajaGrafindo Persada.
- Gustiawati, Syarifah dan Novia Lestari. 2016. *Aktualisasi Konsep Kafa'ah Dalam Membangun Keharmonisan Rumah Tangga*, Indonesia: Jurnal Ilmu Syariah.

- Hajah Nur Anisah Syahirah. (2015). *Mafhum Al-Kafa'ah Fi Al-Nikah Fi Al-Fiqh Al-'Islami Wama 'Alaihi Al-'Amal Fi Brunei Darussalam*. Tesis Sarjana: UNISSA.
- Hasan Basri. (1996). *Merawat Cinta Kasih*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ibn Manzur, Jamal Al-Din-'Abu Al-Fadl-Ibn Mukarram, Muhammad. (1414). *Lisan Al-Al-'Arab. Lebanon: Dar Sadir*.
- Ibn 'Abidin. (2003). *Raddu Al-Mukhtar 'ala Al-Dur Al-Mukhtar Syarhu Tanwir Al-Absar*. Riyadh: Dar 'A'lam Al-Kutub.
- Ibnu Al-Dhahak-Al-Tirmidhi-'Abu 'Isa. (1998). *Al-Jami' Al-Kabir – Sunan Al- Tirmidhi*. Beirut: Al-Ghurb Al-'Islami.
- Ibnu 'Abbas, 'Abdullah. (t.t). *Tanwir Al-Maqbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Lebanon: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibnu 'Atiyah, 'Abu Muhammad 'Abdul Al-Haq bin Ghalib. (1422). *Al-Muharrar Al-Wajiz Fi Tafsir Al-Kitab Al-'Aziz*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Sulaiman, Abd Al-Rahman bin Muhammad. (t.t). *Mujma' Al-'Anhar Fi Sharhi Multaqa Al-'Abhar*. Beirut: Dar 'Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Khoiruddin Nasution. (2007). *Isu-Isu Kontemporer Hukum Islam*. Yogyakarta: Suka Press.
- M. Hasyim Assagaf. (2000). *Derita Putri-Putri Nabi: Studi Historis Kafa'ah Syarifah*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.

- Miszairi, S - Mustafa, M. J. @Shamsuddin. (2018). *Pensyaran Kafaah di dalam Akad Nikah dan Amalannya di dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. M. K. U. I. Melaka (Ed.), Konvensyen Serantau Pengajian Islam Regional Convention on Islamic Studies (Rcis 2018) Peringkat Antarabangsa Siri Ke-4.
- Muhammad Jawad. (2007). *Fiqh Lima Mazhab*. Indonesia: Lentera.
- Muhammad Abu Zahrah. (1957). *'Aqd Al-Zawaj Wa Asaruh*. Mesir: Dar Al-Fikr Al-'Arabi.
- Muhammad Zaidan. (2009). *Al-Kafa'ah fi Aqd Al-Nikah*. Jurnal Silsilah Al-Dirasat Al-Islamiyyah.
- Mustafa Al-Siba'i. (1965). *Sharh Qanun Al-Ahwal Al-Syakhsiyyah*. Damaskus.
- Mujma' Al-Lughah Al-'Arabiyyah Bi Al-Qahirah. (t.t). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Beirut: Dar Al-Da'wah.
- Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya*. (2014). Negara Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Musthafa Kamal Pasha. (2002). *Fikih Islam*. Yogyakarta: Citra Kursa Mandiri.
- 'Abdurrahmaan Al-Jaziri. (2003). *Kitab Al-Fiqh 'Ala Al-Mazahib Al-Arba'ah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- 'Aqlah, Muhammad. (2002). *Nizam Al-'Usrah Fi Al-'Islam*. Urdun: Maktabah Al-Risalah Al-Hadithah.

- Nasarudin Latif. (2001). *Ilmu Perkahwinan: Problematika Seputar Keluarga dan Rumahtangga*. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Nurul Fatah. “Hukum Pernikahan Syarifah dengan Laki-Laki Non-Sayyid: Perspektif Jam’iyyah Rabithah Alawiiyyah Yogyakarta”.
- Qudamah, Ibnu. (2012). *Al Mughni*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Rusyd, Ibnu. (2007). *Bidayatul Muftahid Analisa Fiqih Para Muftahid Cet. III*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Sabiq, Sayyid. (2010). *Fiqh Sunnah 3*. Jakarta: Pena Pundi Aksara.
- Sabiq. Al-Sayyid. (1981). *Fiqh As-Sunnah*. Bandung: PT Al-Ma’arif.
- Shihab, M. Quraish. (1999). *Wawasan Al-Qur’an*. Bandung: Mizan.
- Siti Nur Husna. (2020). *Konsep Kafa’ah Dalam Perkahwinan – Siri 23*. Malaysia: UiTM.
- Siti Suniah. “Kritik Terhadap Tarekat: Kajian terhadap Pemikiran Sayyid Usman bin Yahya”.
- Slamet Abidin dan Aminuddin. (1999). *Fiqh Munakahat*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Syarifuddin, Amir. (2006). *Hukum Pernikahan Islam di Indonesia: Antara Fiqih Munakahat dan UU Pernikahan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.

Umar Faruq Thohir. (2018). Korelasi Pendapatan Ekonomi dan Kedewasaan Pasangan Terhadap Keharmonisan Rumahtangga Pelaku Pernikahan di Bawah Umur di Desa Wedusan, Tiris, Probolinggo. *Jurnal Hukum Islam: Asy-Syari'ah*.

Wuzarah Al-'Auqaf Wa Asy-Syu'in Al-Islamiyyah Al-Kuwait. (1995). *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dar Ash-Shafwah.

Zahrotun Nafisah - Uswatun Khasanah. (2018). *Komparasi Konsep Kafa'ah Perspektif M. Quraish Shihab Dan Fiqh Empat Mazhab*. Indonesia: Jurnal Studi Hukum Islam.